
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMS 417 – Pensejarahan Barat dan Timur

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Apakah yang membezakan karya-karya Herodotus dan Thucidydes dengan karya-karya sebelumnya sehingga karya-karya mereka diiktiraf sebagai sebuah karya sejarah?

Bincang berdasarkan sumber, kaedah dan penjelasan dalam sejarah.

(100 markah)

2. R.G. Collingwood berpendapat bahawa ahli-ahli sejarah Kristian tidak menghendaki satu kajian yang tepat dan saintifik tentang fakta-fakta sejarah yang sebenar.

Berdasarkan pernyataan ini, bincangkan ruang lingkup, ciri-ciri dan kaedah pensejarahan Kristian yang bermula pada abad ke-4M.

(100 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan *histoire totale*? Bincangkan dengan merujuk kepada kemunculan dan perkembangan pensejarahan aliran Annales di Perancis.

(100 markah)

4. Bincangkan konsep sejarah dan ciri-ciri pensejarahan tradisional China. Jelaskan bagaimana ia telah mempengaruhi hasil penulisan sejarah mereka.

(100 markah)

5. Banding dan bezakan aliran-aliran pensejarahan yang terdapat dalam pensejarahan Islam.

(100 markah)

6. Pensejarahan Melayu pada tahun-tahun 1800 hingga 1930an telah didominasi oleh pensejarahan negeri dan jurai keturunan. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada perkembangan pensejarahan Melayu pada tempoh masa berkenaan.

(100 markah)